



**YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA**

**SIARAN MEDIA**

**'PERASMIAN *BETTER BRIGHTER* ANJUNG KASIH YKN  
@ HOSPITAL SERDANG'**

**SERDANG, 28 September 2018** – “*Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang merupakan Anjung Kasih yang pertama mendapat tajaan sepenuhnya daripada syarikat korporat iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB)”, kata YAB Dato’ Sri Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Kebajikan Negara dalam Majlis Perasmian *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang pada hari ini.

Anjung Kasih YKN ialah rumah penginapan sementara yang disediakan kepada ahli keluarga yang mengiringi pesakit yang sedang mendapat rawatan di hospital kerajaan. *Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang ini akan menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada pesakit dan keluarga pesakit yang menghuni di Anjung Kasih ini.

Lapan (8) buah Anjung Kasih YKN telah beroperasi seawal tahun 2006 dan telah memberi manfaat kepada 54,687 orang penghuni sehingga kini.

“Paling istimewa waris pesakit yang akan menggunakan kemudahan ‘*Better Brighter* Anjung Kasih YKN @ Hospital Serdang’ pada masa ini tidak akan dikenakan sebarang bayaran. Ianya adalah percuma. Waris pesakit hanya perlu membayar deposit kunci sewaktu mendaftar masuk”, ujar YAB Dato’ Sri Wan Azizah Dr. Wan Ismail.

Turut hadir YBhg. Tan Sri Leo Moggie, Pengerusi Tenaga Nasional Berhad (TNB), YBhg. Datuk Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato’ Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, YBhg. Tan Sri Mohd Saleh Sulong, Ahli Lembaga Pemegang Amanah YKN dan YBhg. Dato’ Haji Zulkipli Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Kebajikan Negara.

Disediakan oleh : Bahagian Penjanaan Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,  
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,  
No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4,  
62100 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420

Tarikh dikeluarkan : 25 September 2018